

04/04/2000

Pengerusi ikrar perkenal suruhanjaya

KUALA LUMPUR, Isnin - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, yang dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, berikrar menyusun dan memperkenalkan suruhanjaya itu kepada masyarakat.

Beliau yang menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong berkata, pelantikan itu juga membuktikan kesungguhan kerajaan membangkitkan kesedaran rakyat mengenai hak asasi dan memikul tanggungjawab memupuk semua aspek konsep berkenaan di negara ini.

"Saya berasa sangat terhormat mengetuai kumpulan individu yang nama mereka sudah pun terkenal sebagai personaliti yang memegang rekod cemerlang dalam perkhidmatan.

"Insya-Allah kita pasti akan dapat menjalankan tugas dengan bermuafakat, jujur dan ikhlas, sabar dan dengan penuh tanggungjawab," katanya dalam satu kenyataan petang ini.

Beliau mengulas pelantikannya sebagai pengerusi suruhanjaya itu yang diumumkan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ditubuhkan apabila Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) diwartakan pada 9 September lalu.

Musa juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas penubuhan suruhanjaya itu.

"Saya mengaku saya telah banyak kali berdialog dengan mereka (Dr Mahathir dan Syed Hamid). Dr Mahathir mengambil sikap yang begitu positif dan ia adalah sangat menggalakkan," katanya.

Sementara itu, bekas Ketua Hakim Malaya, Tan Sri Anuar Zainal Abidin yang turut menganggotai suruhanjaya itu ketika dihubungi berkata, penubuhan suruhanjaya melambangkan negara ini mengamalkan konsep terbuka dalam isu berkaitan hak asasi manusia.

(END)